


MENAKJUBKAN...
seni bina
Al-Khazneh
tersembunyi di
tengah gunung.



SIQ... laluan
utama ke kota
Petra.



Petra satu keajaiban

Dikenali juga The Red Rose City kerana keunikan ukirannya dipahat pada batu gunung berwarna merah

>>Laporan dan foto
SHAKILAWATI ABD RAHMAN
 shakilawati@hmetro.com.my

JIKA Mesir gah dengan piramid yang disenaraikan sebagai tujuh perkara ajaib di dunia, Jordan tidak kurang hebatnya. Mungkin ramai tidak tahu negara yang mempunyai 5.8 juta penduduk ini juga memiliki seni bina unggul yang dikenali sebagai Petra.

Khazanah kota lama ini diletakkan di bawah lindungan Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) sebagai tapak warisan silam dan pada 7 Julai 2007 ia diangkat menjadi satu daripada keajaiban dunia.

Petra juga dikenali sebagai The Red Rose City kerana keunikan ukirannya yang dibina di batu dan gunung berwarna merah. Bagaikan bermimpi apabila destinasi tumpuan pelancong dari segenap pelosok dunia ini ada di depan mata.

Landskap sepanjang jalan masuk ke kota ini sangat menakutkan, malah hati tidak henti-henti memuji keunikan Siq — gurun batu pasir sempit yang ketinggian mencecah hingga 183 meter. Ia pintu masuk utama ke Petra.

Bayaran masuk ke kota ini kira-kira RM100, malah pengunjung boleh memilih untuk berjalan kaki, menunggang kuda atau lebih selesa menaiki kereta kuda.

Masih segar di ingatan, pemandu pelancong meminta penulis memejamkan mata selama lapan saat di penghujung Siq dan apabila diarah memandang ke depan, tersergam megah Al-Khazneh atau The Treasury yang pernah menjadi lokasi penggambaran filem Indiana Jones and the Last Crusade 19 tahun lalu.

Sungguh menakutkan hinggakan penulis kehilangan kata-kata. Hati tidak henti-henti memuji keindahan seni bina roman ini, malah bangkit rasa kagum bagaimana kaum Nabatien membinanya.

Al-Khazneh adalah makam diraja yang dipercayai dibina antara tahun 100 Sebelum Masehi dan 200 Setelah Masehi.

Penulis bertuah kerana terpilih menyertai kru penggambaran program Mawi di Bumi Anbia di Jordan yang diterbitkan oleh Al' Najwa Production dan Maestro untuk Astro Oasis.

Tawaran daripada Al' Najwa disambut penuh syukur, apatah lagi memang tersemat

di hati ingin menjejakkan kaki ke negara yang bersempadan dengan Syria di utara, Iraq (timur-laut), Israel dan Tebing Barat (barat) dan Arab Saudi (timur dan selatan) ini.

Jordan bukan saja terkenal dengan sejarah perkembangan Islam, tetapi juga kaya dengan kesan tinggalan pemerintahan Rom. Ini dapat disaksikan menerusi seni bina di beberapa bandar.

Penulis difahamkan, demi mempercepatkan perkembangan perdagangan dan melindungi empayar, kerajaan Rom mewujudkan Decopolis, kombinasi 10 kota di utara Jordan, Syria dan Palestin.

Empat daripadanya ada di Jordan iaitu Amman yang dulunya dikenali Philadelphia, Pella, Ummu Qays dan paling terpelihara dan lengkap adalah Jerash.

Berikutan kekuatan pertahanan dan kemudahan serba lengkap, Jerash menjadi kota Rom terbesar dan paling gah di luar Itali.


Bagaimanapun, yang masih kekal hingga kini hanya dinding kota, jalan bertiang, serpihan kuil yang dibina di puncak bukit, panggung teater dan rumah mandi.

Lebih menarik, di tengah-tengah serpihan binaan lama itu ada sebuah masjid

KENANGAN...
penulis di depan
papan tanda
jalan ke arah
Laut Mati.



INDAH... garam
di kaki bukit
Laut Mati.



JIHAD... makam Nabi Nuh dan
perkuburan tentera Islam.



GAH... kota Salahuddin Al-Ayubi
lambang kehebatan tentera Islam.



yang dipercayai dibina beberapa kurun lalu.

Lebih bermakna, penulis berpeluang melihat pertunjukan Gladiator dengan teknik perang dan kehebatan tentera Rom. Menurut pemandu pelancong kami, Jerash menjadi tumpuan ribuan pelancong dari seluruh dunia setiap Julai yang ingin menyaksikan Festival Kebudayaan dan Seni Jeras.

Selain itu, struktur binaan zaman Rom, Bizantine dan Islam juga dapat disaksikan di Pella yang terletak di utara Lembah Jordan.

Di situlah berlakunya peperangan Fahl di antara tentera Bizantine dan Islam. Di bawah pimpinan Khalid bin All-Walid ra dan Abu Ubaidah Al-Jarrah ra, Islam berjaya membebaskan Pella daripada cengkaman Kristian.


Tidak lengkap perjalanan di Jordan jika tidak berkunjung ke Laut Mati yang terletak di titik paling rendah di permukaan bumi dan paling kering.

Air laut sepanjang 67 kilometer ini mempunyai kandungan garam kedua tertinggi selepas Tasik Asal di Djibouti dan dipercayai tiada hidupan di dalamnya.

Meskipun keletihan dek kerana cuaca terlalu panas, penulis tetap nekad mendaki sebuah bukit tinggi di pinggir Laut Mati untuk melihat gua Nabi Lut. Dipercayai di sinilah Nabi Lut dan pengikutnya berlindung ketika Allah SWT membinasakan kaum Gamorah dan Sodom yang ingkar.

Paling melekat di hati adalah kunjungan ke makam anbia seperti Nabi Hud, Nuh, Harun, Shoib dan Yusha serta makam sahabat Rasulullah SAW, antaranya Ikrimah bin Abu Jahal, Abu Ad Darda' ra, Abdul Rahman bin Auf, Abu Ubaidah bin Al-Jarrah, Mu'az bin Jabal dan Shurabbil bin Hasanah.

Banyak juga lokasi yang pernah menjadi persinggahan dan pusat penyebaran syiar Islam penulis jejak, antaranya Mount Nebo yang dipercayai menjadi persinggahan Nabi Musa as sebelum




ISTANA AJLOUN...

kota yang mempamerkan seni bina Islam ini menjadi kubu mempertahankan wilayah daripada serangan tentera salib.



MENARIK... gerai menjual baju penari gelek dan cenderamata menjadi tumpuan pelancong.



memasuki Palestin dan gua Nabi Hud di Jerash.

Gua Ashabul Kahfi, Kota Salahuddin Al-Ayyubi di Kerak dan Istana Ajloun yang dibina dalam kurun ke-12 oleh Usama bin Munqith.

anak saudara Sultan Salahuddin Al-Ayubi.

Itulah sebahagian tempat yang penulis kunjungi ketika bertandang di bumi anbia ini. Pelbagai pengajaran dan ilmu diperoleh sepanjang

perjalanan, malah ia mengubah persepsi penulis terhadap banyak perkara.

Sesungguhnya menyelami kebesaran Ilahi menyedarkan betapa kerdilnya diri ini.